

BAHAGIAN I
LENCANA KEAHLIAN



SUKATAN PELAJARAN LENCANA KEAHLIAN

Sebelum dilantik menjadi ahli dan mendapat Lencana Keahlian, seorang budak akan diuji dalam perkara-perkara yang berikut untuk memberi pengetahuan asas yang mudah serta pengalaman berpengakap.

1. Mengetahui peraturan memakai pakaian seragam pengakap.
2. Memahami makna dan semangat lima prinsip Rukun Negara.
3. Mengenali lambang Pengakap Malaysia dan lambang Pengakap Dunia serta memahami secara mendalam erti lambang-lambang tersebut.
4. Melafazkan 'Persetiaan Pengakap' dan memahami 'Undang-undang Pengakap.'
5. Mengetahui cara 'Hormat Pengakap' dan 'Cogan Kata Pengakap Muda'.
6. Mengetahui sejarah Pengakap Malaysia dan sejarah pengasas pengakap, Lord Baden Powell.
7. Mengetahui mengikat dan mengguna semua simpulan berikut:
 - (a) Buku sila (*reef knot*)
 - (b) Bunga geti (*sheet bend*)
 - (c) Simpul manuk (*clove hitch*)
 - (d) Tindih kasih (*bowline*)
 - (e) Lilit dua simpul (*round turn and two half hitches*)
 - (f) Lilit pematil biasa (*common whipping*)

Contoh format ujian Lencana Keahlian


Nama	:	
Sekolah	:	
Kumpulan	:	
Patrol	:	
Penguji	:	
Tarikh lulus	:	

<i>Lencana Keahlian</i>	<i>Tarikh</i>	<i>Penguji</i>
1. Peraturan pakaian seragam pengakap		
2. Prinsip Rukun Negara		
3. Lambang Pengakap Malaysia dan Dunia		
4. Persetiaan Pengakap dan Undang-undang Pengakap		
5. Hormat Pengakap dan Cogan Kata Pengakap Muda		
6. Sejarah Pengakap Malaysia dan sejarah pengasas pengakap, Lord Baden Powell		
7. Simpulan		


1

Lencana Keahlian


PENGAKAP MUDA (*JUNIOR SCOUT*)



Rajah 1.1 Pakaian seragam Pengakap Muda (*Junior Scout*)



Rajah 1.2 Pakaian seragam Pengakap Wanita (*Girl Scout*)

CARA MEMASANG LENCANA
PENGAKAP MUDA

Peringatan: Lencana kepandaian hendaklah dipasang satu per satu mengikut nombor, yang dahulu didahulukan

Rajah 1.3 Cara-cara memasang lencana Pengakap Muda pada kedua-dua lengan baju

PRINSIP RUKUN NEGARA

Perisytiharan

BAHAWASANYA NEGARA KITA MALAYSIA mendukung cita-cita hendak:


- Mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya;
- Memelihara satu cara hidup demokratik;
- Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
- Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
- Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

Kepercayaan kepada Tuhan,
Kesetiaan kepada raja dan negara,
Keluhuran perlembagaan,
Kedaulatan undang-undang,
Kesopanan dan kesusilaan.

LAMBANG PENGAKAP
MALAYSIA DAN DUNIA

Lambang Pengakap Malaysia




Rajah 1.4 Lambang Pengakap Malaysia

1. Pecahan tiga kelopak—melambangkan Persetiaan Pengakap yang tiga, iaitu: taat kepada Tuhan, taat kepada Raja dan taat kepada Negara.
2. Warna kuning, hijau dan merah—melambangkan unit-unit pengakap: kuning bagi Pengakap Kanak-kanak, hijau bagi Pengakap Muda dan merah bagi Pengakap Remaja.

3. Dua buah bintang pecah lima berwarna hijau pada kelopak kiri dan kelopak kanan—melambangkan Undang-undang Pengakap yang sepuluh itu.
4. Ikatan hijau—menunjukkan ikatan persaudaraan pengakap.
5. Lingkaran tali berwarna biru tua—melambangkan perpaduan rakyat Malaysia dan persaudaraan Pengakap Sedunia.
6. Anak bulan dan bintang—menunjukkan agama rasmi Malaysia, iaitu agama Islam.
7. Warna kuning pada anak bulan dan bintang—menunjukkan warna diraja bagi Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja.
8. Bintang pecah 14 (warna kuning)—melambangkan 14 buah negeri (termasuk Wilayah Persekutuan) terkandung dalam Malaysia.

Lambang Pengakap Dunia



Rajah 1.5 Lambang Pengakap Dunia

1. Pecahan tiga kelopak—melambangkan Persetiaan Pengakap yang tiga, iaitu taat kepada Tuhan, taat kepada Raja dan taat kepada Negara.

2. Dua buah bintang pecah lima warna ungu pada kelopak kiri dan kelopak kanan—melambangkan Undang-undang Pengakap yang sepuluh itu.
3. Ikatan putih—menunjukkan ikatan persaudaraan pengakap.
4. Lingkaran tali berwarna putih—melambangkan persaudaraan Pengakap Sedunia.
5. Warna ungu—warna Biro Pengakap Sedunia.
6. Warna putih—kesucian dan kebersihan.

PERSETIAAN PENGAKAP DAN UNDANG-UNDANG PENGAKAP

Persetiaan Pengakap

Bahawa dengan sesungguhnya, saya berjanji dan bersetia yang saya dengan seberapa daya upaya saya akan:

Taat kepada Tuhan, Raja dan Negara;
Menolong orang pada setiap masa;
Menurut Undang-undang Pengakap.

Undang-undang Pengakap

1. Pengakap adalah seorang yang sentiasa dipercayai, bermaruah dan mempunyai kehormatan diri.
2. Pengakap adalah seorang yang taat kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong serta raja-raja dan kepada pemimpin-pemimpin pengakapnya, ibu bapanya, majikannya dan orang-orang di bawahnya.
3. Pengakap adalah wajib menjadikan dirinya berguna dan menolong orang pada setiap masa.
4. Pengakap adalah sahabat kepada sekalian orang dan saudara kepada pengakap lain walau apa negeri, pangkat dan agamanya sekalipun.
5. Pengakap adalah seorang yang baik dan sempurna budi pekertinya dan sentiasa berbudi.
6. Pengakap adalah baik dan kasih kepada segala binatang.
7. Pengakap adalah seorang yang sentiasa menurut perintah dan suruhan ibu bapanya, ketua patrolnya atau pemimpin-pemimpin pengakapnya tanpa apa-apa soalan.

8. Pengakap adalah seorang yang sentiasa sabar dan manis air mukanya walau dalam masa kesusahan.
9. Pengakap adalah seorang yang berjimat dan bercermat.
10. Pengakap adalah bersih dan suci fikiran, perkataannya dan perbuatannya.


HORMAT PENGAKAP DAN COGAN KATA PENGAKAP MUDA

Hormat Pengakap

Seorang pengakap memberi hormat dengan tangan kanannya. Tiga jari yang digunakan dalam hormat mengingatkan ketiga-tiga bahagian Persetiaan Pengakap seperti berikut:

1. Taat kepada Tuhan, Raja dan Negara.
2. Menolong orang pada setiap masa.
3. Menurut Undang-undang Pengakap.

Semua pemakai lencana pengakap mesti memberi hormat antara satu sama lain.



Rajah 1.6 Kedudukan jari semasa hormat

Bila Hormat Pengakap Digunakan?



Kaedah memberi hormat



Kaedah memberi persetiaan

Rajah 1.7

1. Apabila menemui pengakap lain, sama ada dalam atau luar negeri, iaitu menandakan persaudaraan dan penghormatan.
2. Apabila menemui pemimpin, penolong pemimpin pengakap dan ketua patrol.
3. Selepas dan apabila menaikkan bendera Malaysia, bendera negeri dan bendera pengakap.
4. Apabila Lagu Kebangsaan dan lagu negeri dinyanyikan.
5. Dalam istiadat-istiadat menerima anugerah, sijil dan sebagainya.

Kaedah-kaedah Hormat Bertongkat

1. Hormat bertongkat dalam kedudukan berjalan.
2. Hormat bertongkat dalam kedudukan sedia.



Hormat bertongkat dalam kedudukan berjalan



Hormat bertongkat dalam kedudukan sedia

Rajah 1.8

Cogan Kata Pengakap

Cogan kata yang menjadi moto pengakap.

- | | |
|-------------------------|-------------------|
| 1. Pengakap Kanak-kanak | — BUAT HABIS BAIK |
| 2. Pengakap Muda | — SELALU BERSEDIA |
| 3. Pengakap Remaja | — PANDANG LUAS |
| 4. Pengakap Kelana | — BERKHIDMAT |

SEJARAH PENGAKAP DI MALAYSIA DAN SEJARAH PENGASAS PENGAKAP LORD BADEN POWELL

Sejarah Pengakap Di Malaysia

Selepas dua tahun pengakap diasaskan oleh Lord Baden Powell di England, seorang peneroka pengakap dari London bernama F.C. Sands telah datang ke Singapura pada tahun 1910 lalu menubuhkan dua pasukan pengakap untuk anak-anak orang Inggeris yang berada di Singapura. Pada tahun 1919, Kapten N.M. Hashim dan Encik A.Z. Alsagoff telah menubuhkan pasukan pengakap untuk budak-budak Melayu yang tahu berbahasa Inggeris di Singapura.

Negeri Melayu yang mula-mula menubuhkan pasukan pengakap ialah Pahang, iaitu di Pekan, yang ditubuhkan oleh G.M. Laidlow, tetapi apabila beliau meninggal dunia, pergerakan pengakap di situ turut berkubur. Hanya pada tahun 1927 barulah dihidupkan semula oleh H.P. Hertslet yang kemudiannya diasaskan pula oleh Wheeler dan Frisby dari Pejabat Pelajaran Pahang.

Di Pulau Pinang, pergerakan pengakap telah ditubuhkan oleh seorang ahli pendidik yang termasyhur, iaitu H.R. Cheesman di Penang Free School pada tahun 1915. Cheesman telah berkhidmat selama 13 tahun dalam pergerakan pengakap di Malaya, sebagai Penolong Pesuruhjaya Pengakap Malaya.

Di Perak, pengakap telah ditubuhkan pada tahun 1926, iaitu di Maktab Melayu Kuala Kangsar oleh I.R. Wheeler. Kemudian itu, banyak lagi sekolah di Perak menubuhkan pasukan pengakapnya. Di Kedah, pergerakan pengakapnya bermula pada tahun 1922. Peneroka pengakap di Kedah ialah E.C. Hicks, E.A.G. Stuart, R.P.S. Walker dan C.W. Bloomfield. Di Johor, pengakap ditubuhkan pada awal tahun 1928, iaitu dengan kedatangan Cheesman dari Pulau Pinang. Kumpulan yang pertama ditubuhkan ialah di English College (kini Maktab Sultan Abu Bakar) Johor Bahru. Manakala pergerakan pengakap di Melaka dan Negeri Sembilan bermula pada tahun 1926 oleh Brunstone.

Pada tahun 1926, Selangor pula menubuhkan gerakan pe-

ngakap dan orang yang bertanggungjawab menubuhkannya ialah Ameen Akbar. Ini diikuti oleh penubuhan pergerakan pengakap di Terengganu pada tahun 1927 oleh A.J. Gracie dan di Kelantan (1927) oleh Y.M. Tengku Ahmad Temenggong. Negeri yang terakhir di Semenanjung menubuhkan pergerakan pengakap ialah Perlis pada tahun 1931.

Sabah telah menubuhkan pergerakan pengakapnya di Sandakan pada tahun 1915. Sementara di Sarawak ia ditubuhkan pada tahun 1913, tetapi terhenti pergerakan pengakapnya sehinggalah pada tahun 1930 apabila ia bergiat semula.

Sebelum merdeka, Persekutuan Budak-budak Pengakap Tanah Melayu meliputi semua negeri, dengan tiap-tiap sebuah negeri sebagai satu daerah pengakap. Selepas Perang Dunia Kedua, pergerakan pengakap di Malaya dan Singapura dimasukkan menjadi cawangan Persekutuan Pengakap Great Britain. Selepas diadakan penyusunan semula, tiap-tiap negeri menjadi satu persekutuan yang terdiri daripada beberapa daerah pengakap. Tiap-tiap daerah ada dengan persekutuan pengakapnya.

Apabila Malaya mencapai kemerdekaannya pada tahun 1957, Persekutuan Budak-budak Pengakap Persekutuan Tanah Melayu menjadi ahli penuh dalam Persidangan Pengakap Dunia. Dengan wujudnya Malaysia pada tahun 1963, namanya bertukar menjadi Persekutuan Pengakap Malaysia dan keahliannya menjadi besar kerana Sabah, Sarawak dan Singapura menjadi anggotanya. Apabila Singapura berpisah daripada Malaysia pada tahun 1965, Persekutuan Pengakap Singapura berhenti menjadi cawangan Persekutuan Pengakap Malaysia.

Rumah BP yang terletak di Jalan Hang Jebat, Kuala Lumpur, ialah ibu pejabat Persekutuan Pengakap Malaysia, yang telah didirikan dengan belanja RM150 ribu dan telah dibuka dengan rasminya pada 5 Januari 1957 sempena menyambut perayaan ulang tahun yang ke-50 Pengakap Dunia. Rumah BP adalah nadi pergerakan pengakap seluruh negara. Di sinilah Ketua Pesuruhjaya Negara mengarahkan segala gerak kerja Persekutuan Pengakap Malaysia.

Sejarah Pengasas Pengakap: Lord Baden Powell

Pada 22 Februari 1857, seorang bayi telah dilahirkan di sebuah rumah berhampiran Hyde Park, London. Bayi itu dinamakan Robert Stephenson Smyth Baden Powell. Bapanya bernama Reverend H.G. Baden Powell, iaitu seorang mahaguru di Universiti Oxford. Ibunya ialah anak seorang Laksamana British bernama W.T. Smyth. Beliau mempunyai tujuh orang adik-beradik.

Pada usia tiga tahun, bapanya meninggal dunia dan tinggalah beliau dalam pemeliharaan ibunya. Beliau sangat gemar kepada penghidupan di luar rumah. Beliau terkenal dengan nama ringkas BP. BP amat sayang kepada kanak-kanak.

BP ditauliahkan sebagai Leftenan Muda dalam Pasukan Askar Hussar ke-13 dan ditempatkan di India pada tahun 1876 dan kemudian mendapat pangkat Ketua Inspektor pada tahun 1903. Dalam satu serangan terhadap Mafeking pada tahun 1899, BP merancang membawa pesanan-pesanan dan menggantikan askar-askar di medan perang dengan kanak-kanak yang tinggal di bandar yang diserang itu. Kepantasan dan kecekapan kanak-kanak ini meninggalkan kesan yang amat dalam pada hati BP dan pada tahun 1907, ketika pulang ke England, beliau telah menganjurkan suatu perkhemahan percubaan di Pulau Brownsea bagi kanak-kanak lelaki. Melalui kejayaan perkhemahan di Pulau Brownsea itu, pada tahun 1908, BP telah mengarang sebuah buku bernama *Scouting For Boys*.

BP menanam semangat taat kepada Tuhan, Raja dan Negara. Kejayaan ini tidak dapat ditandingi oleh teman-teman yang sezaman dengannya. Inti daripada pusaka yang ditinggalkannya ialah adunan teratur bagi kecekapan dan tatatertib yang mengembangkan dasar-dasar asas seorang manusia. Dalam Jambori Pengakap Sedunia Pertama di Olympia, BP telah dilantik menjadi Pengakap Agung bagi seluruh dunia.

Pada tahun 1937, sewaktu berumur 80 tahun, BP bersama-sama isterinya, Lady Baden Powell, seorang yang telah bersungguh-sungguh membantu BP dalam segala kerja mengembangkan pergerakan pengakap, dengan disertai oleh anak-anaknya, meninggalkan Bandar Raya London menuju Kenya di Afrika dan bermastautin di sebuah kampung yang aman,



Pengasas Pengakap Dunia: Lord Robert
Stephenson Smyth Baden Powell
(1857-1941)

dengan pemandangan yang indah, hutan yang menghijau, kemuncak gunung yang diselaputi oleh salji; di situlah BP berehat setelah lama berbakti kepada dunia.

Buku *Scouting For Boys* dijadikan kitab untuk semua pengakap dunia. Ramai yang telah menerima ideanya kerana ini terbukti dengan perkembangan pergerakan ini ke serata dunia kecuali negara-negara komunis. Pergerakan pengakap telah memberi peluang kepada muda mudi mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti dan telah menunjukkan kecekapan dalam berbagai perkara yang diuji. Pada mulanya

masyarakat menganggap perkhemahan sebagai sesuatu yang janggal, tetapi Lord Baden Powell telah menyangkal perkara ini sehinggalah kini perkhemahan bukan sahaja popular di kalangan pengakap malah di kalangan masyarakat biasa.

Lord Baden Powell telah menerima banyak anugerah seperti 'Baron' dan telah menjadi Ketua Pengakap Dunia. Pada tahun 1937, beliau menerima *Order of Merit*. Beliau telah meneruskan usaha dalam lapangan ini sehingga berumur 80 tahun. Beliau kemudiannya melancong ke serata pelosok dunia untuk menyaksikan sendiri kegiatan pengakap dan pandu puteri. Seumur hidupnya, BP telah berusaha mewujudkan kegembiraan kepada orang lain melalui pergerakan pengakap.


Oleh yang demikian, adalah menjadi kerugian besar bagi semua orang khususnya pengakap apabila pada 8 Januari 1941 BP meninggal dunia. Mendiang dikebumikan dengan penuh kehormatan di bawah bayang-bayang kelembutan Gunung Kenya. Kata-kata akhirnya kepada kita semua di dalam pergerakan ini ialah:

TUHAN MEMIMPIN DAN MEMBANTUMU DI
DALAM KERJA-KERJAMU

SIMPULAN

1. Buka Sila (*Reef Knot*)

Buka sila adalah simpulan yang kerap digunakan bagi menyambung dua utas tali yang sama besarnya. Simpulan ini




Rajah 1.9 Buka sila

tegap dan tidak boleh terlucut. Biasanya, simpulan ini digunakan untuk mengikat benda-benda kecil dengan menggunakan tali yang kecil dan ringan seperti bungkusan, mematikan simpulan dalam balutan *bandage* dan untuk mengikat khemah yang sudah dilipat atau bagi mengikat layar.

2. Simpul Bunga Geti (*Sheet Bend*)


Simpul bunga geti digunakan untuk menyambung dua tali yang sama besar dan tali yang tidak sama besar. Ia juga digunakan untuk mengikat tali ke suatu tanjul.



Rajah 1.10

3. Simpul Manuk (*Clove Hitch*)


Simpul manuk digunakan untuk mengikat tali pada tiang atau balak. Simpulan yang digunakan tidak mudah terburai dan kayu dapat ditarik atau diangkat ke tempat yang dikehendaki dengan selamat. Simpul manuk digunakan juga semasa memulakan dan mematikan ikat seraya, ikat silang gunting dan lilit kacang/ular.



Rajah 1.11

4. Simpul Tindih Kasih (*Bowline*)


Simpul ini digunakan untuk membuat tanjul yang tidak boleh menjerut. Simpul tindih kasih sangat berguna dalam kerja-kerja semasa menyelamat. Simpul ini akan diikat pada pinggang si malang. Kemudian si malang akan ditarik ke tempat yang selamat.



Rajah 1.12

5. Lilit Dua Simpul (*Round Turn Two Half Hitches*)


Lilit dua simpul digunakan bagi mengikat hujung tali kepada tiang, pokok, kayu, gelung atau tali yang lain supaya ia tidak terluat. Ia digunakan juga untuk mengikat hujung tali khemah.



Rajah 1.13

6. Lilit Pemati Biasa (*Common Whipping*)

Digunakan untuk mematikan hujung tali supaya hujung tali itu nampak kemas dan tidak terbang.



Rajah 1.14

LENCANA KEMAJUAN PENGAKAP MUDA

Selepas Pengakap Muda lulus dalam ujian masuk menjadi ahli, dia hendaklah meneruskan kegiatannya bagi mendapatkan tiga Lencana Kemajuan, iaitu:

1. Lencana Usaha—Lencana ini diberikan sebagai mengakui minat dan kegemaran luar seperti berkhemah, masak-masak, mengembara dan sebagainya.
2. Lencana Maju—Lencana ini diberikan sebagai mengakui berbagai-bagai kemahiran, kegemaran luar dengan memperkenalkan asas berdikari dan perkhidmatan.
3. Lencana Jaya—Lencana ini diberikan sebagai mengakui kebolehan dan keberanian serta penghargaan diri dalam menjalankan tanggungjawab dan kepimpinan.

Ujian bagi mendapatkan Lencana Usaha dibahagikan kepada lima bahagian, iaitu:

1. cita-cita pengakap,
2. kecergasan dan kesegaran jasmani,
3. kemahiran berpengakap,
4. kecenderungan dan minat,
5. perkhidmatan.

Ujian bagi mendapatkan Lencana Maju dibahagikan kepada lima bahagian, iaitu:

1. cita-cita pengakap,
2. kecergasan dan kesegaran jasmani,
3. kemahiran berpengakap,
4. pengembaraan,
5. perkhidmatan.

Ujian bagi mendapatkan Lencana Jaya dibahagikan kepada lima bahagian, iaitu:

1. cita-cita pengakap,
2. kecergasan dan kesegaran jasmani,
3. kepimpinan,
4. kejayaan,
5. perkhidmatan.

Cara Memakai

Lencana Kemajuan dipakai pada lengan baju sebelah kanan. Hanya satu lencana sahaja boleh dipakai, iaitu, apabila seorang Pengakap Muda itu mendapat Lencana Maju, dia hendaklah menggugurkan Lencana Usaha, demikian juga apabila dia mendapat Lencana Jaya, dia hendaklah menggugurkan Lencana Maju.